

**Sambutan Aidilfitri Jabatan Perdana Menteri meriah  
Utusan Online  
September 22, 2011**

PUTRAJAYA 21 Sept. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor hari ini menghadiri Sambutan Hari Raya Aidilfitri Jabatan Perdana Menteri (JPM) 2011 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini.

Beliau yang tiba pada pukul 1.10 tengah hari disambut kira-kira 4,000 kakitangan dan pegawai JPM serta agensi di bawahnya.

Turut menyertai Perdana Menteri ialah timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri, Puan Seri Noorainee Abdul Rahman.

Jemaah menteri, Ketua Setiausaha Negara serta timbalan-timbalan menteri antara kenamaan yang turut hadir menyerikan majlis tersebut.

Najib turut meluangkan masa melawat gerai-gerai makanan yang mewakili 14 negeri menghidangkan pelbagai juadah popular seperti ketupat, lemang, rendang tok, nasi dagang, rojak pasembor dan laksa Sarawak.

Perdana Menteri kemudiannya menyampaikan sumbangan kepada 33 pelajar cemerlang yang memperoleh keputusan 9A ke atas dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2010 lalu selain hadiah kepada pemenang pertandingan gerai terbaik.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0922&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_22.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0922&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_22.htm)